

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
(BERUAS)

**PERTANYAAN** : LISAN

**TARIKH** : 15.03.2017

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butir-butir tentang East Coast Rail Line (ECRL) yang hendak dibina dan kenapa bayaran balik kos pembinaan hanya bermula selepas 7 tahun dan adakah pembayaran balik tertunda ini menyebabkan kos pembinaan projek ini naik begitu tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *East Coast Rail Link* (ECRL) merupakan projek infrastruktur negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 2016, memberi fokus utama kepada Koridor

Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang melalui landasan keretapi sepanjang 688km. Pelaksanaan ECRL bakal menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung sekaligus merangsang pertumbuhan sosio ekonomi dan bermanfaat buat rakyat secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang diketahui umum, Projek ECRL bernilai RM55 bilion merangkumi kos keseluruhan kontrak EPCC (Kontrak Kejuruteraan, Pemerolehan, Pembinaan dan Pentauliahan). Pembinaannya bakal dimulakan pada Julai 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir suku kedua 2024 yang melibatkan 2 Fasa. Fasa I melibatkan pembinaan landasan yang bermula dari Wakaf Bharu, Kelantan sehingga ke ITT Gombak manakala pembinaan Fasa II bermula dari ITT Gombak ke Pelabuhan Klang.